



Dengan PDPA, LBKM akur akan pentingnya membangunkan dasar rasmi perlindungan data. Pelaksanaan dasar sedemikian akan membantu para pekerja memahami amalan- amalan pengurusan data yang baik dan membina kepercayaan para penderma dan pemohon dermasiswa.

PERLINDUNGAN DATA AMAT MUNASABAH

Lembaga Basiswa Kenangan Maulud (LBKM), sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan, telah melaksanakan pelbagai langkah untuk melindungi data peribadi para penderma dan benefisiari

Sebagai sebuah pertubuhan yang mengagihkan dermasiswa dan biasiswa, LBKM memainkan peranan penting dalam membantu para pelajar Melayu/Islam yang memerlukan untuk maju jaya dalam pelajaran mereka.

Sejak penubuhannya pada 1965, LBKM dibiayai hampir sepenuhnya oleh para penderma dan penaja korporat. Sejauh ini, LBKM telah mengagihkan 24,000 dermasiswa dan biasiswa kepada para pelajar, dari peringkat rendah hingga possiswazah, dengan jumlah keseluruhan yang diagihkan sepanjang 50 tahun penubuhannya melebihi \$17 juta. Pada tahun lalu sahaja, LBKM mengagihkan dermasiswa dan biasiswa bernilai \$2 juta.

Setiap tahun, ia menerima sekitar 1,800 permohonan dermasiswa dan biasiswa berserta data peribadi pemohon seperti butiran peribadi, rekod akademik, nombor kad pengenalan dan pendapatan keluarga. LBKM menggunakan data ini untuk memproses, menilai dan mengagihkan dermasiswa dan biasiswa kepada para pelajar yang layak.

Sebelum pengubalan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA), LBKM tiada dasar rasmi mengenai cara mengurus data peribadi. Namun, kakitangannya sentiasa melaksanakan amalan pengurusan data yang baik apabila mengurus data peribadi milik para penderma dan pemohon dermasiswa dan biasiswa.

"Mereka yang mengurus permohonan ini memahami bahawa semua data peribadi harus dirahsiakan," ujar Encik Suhaimi Salleh, Presiden LBKM. "Kami juga menyimpan dengan baik semua borang permohonan dan dokumen sokongan seperti keputusan persekolahan. Bahkan, Presiden LBKM sendiri tidak dapat mengakses data ini kecuali terdapat persoalan khusus berhubung seseorang pemohon."

Dengan PDPA, LBKM akur akan pentingnya membangunkan dasar rasmi perlindungan data. Pelaksanaan dasar sedemikian akan membantu para pekerja memahami amalan- amalan pengurusan data yang baik dan

membina kepercayaan para penderma dan pemohon dermasiswa.

Justeru, LBKM mengambil langkah untuk memahami undang-undang dan memperkukuh langkah perlindungan datanya.

Peraturan rasional dan munasabah

LBKM memulakan perjalanannya untuk mematuhi PDPA dengan melantik Setiausaha Eksekutifnya, Tuan Haji Muhd Hassim Ahmad sebagai pegawai perlindungan datanya. Beliau telah menghadiri tiga bengkel perlindungan data anjuran Majlis Perkhidmatan Masyarakat Kebangsaan (NCSS) dan Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi (PDPC) untuk lebih memahami undang-undang baru ini.

Sekitar masa yang sama, LBKM mendapatkan khidmat firma perunding PDPA tempatan dengan bayaran \$4,000 untuk menjalankan audit persediaan dan keselamatan PDPA, dan mengenal pasti kekurangan yang ada dalam dasar pengurusan datanya.

Dengan bantuan firma tersebut, LBKM turut membangunkan satu peta inventori data yang memperincikan bagaimana data peribadi dikumpul dan digunakan, di samping melatih kakitangannya mengenai asas perlindungan data peribadi.

"Banyak peraturan perlindungan data ini amat rasional dan munasabah," kata Encik Suhaimi. Contohnya, PDPA memerlukan pertubuhan untuk mengelakkan daripada menyimpan dokumen yang mengandungi data peribadi, jika tidak diperlukan lagi. LBKM kini menghapus semua borang permohonan dan sijil-sijil akademik pemohon dengan mesin penghapus kertas - setahun selepas menerimanya.

Namun, ia masih menyimpan butir-butir peribadi para penerima dermasiswa dan biasiswa dalam sistem komputer yang dilindungi kata laluan (password). Tujuannya adalah untuk menghubungi para penerima berkenaan pada masa hadapan bagi menentukan keberkesanan bantuan kewangan LBKM dalam kehidupan mereka.

Tambahan lagi, LBKM menyimpan data

peribadi untuk sekitar 1,300 penderma dan penaja bagi menyokong fungsi perakaunan dan laporan. Ia juga mengirim kepada mereka surat mengenai pelbagai peluang penajaan dan pengumpulan dana.

"Bagi penderma dan penaja tetap dengan data peribadi yang kami kumpulkan sebelum PDPA berkuatkuasa, kami terus mengirimi kepada mereka surat rayuan pungutan dana kami," ujar Encik Suhaimi.

"Namun, jika mereka mendapati surat-surat rayuan ini agak mengganggu dan tidak mahu menerimanya lagi, mereka boleh menyatakannya dengan tidak menandakan (tick) kotak yang memberi izin pada borang derma baru kami yang dilampirkan bersama surat rayuan."

Bagi membantu operasi berterusan, PDPA membolehkan pertubuhan yang mempunyai data peribadi sedia ada yang telah terkumpul dan digunakan sebelum 2 Julai 2014 untuk terus menggunakannya tanpa perlu mendapatkan kebenaran sekali lagi. Namun, ini adalah bagi tujuan yang sama data tersebut dikumpulkan - kecuali individu berkenaan telah menyatakan dia tidak membenarkan penggunaannya.

Untuk melindungi borang permohonan dermasiswa dan derma, LBKM telah mengambil beberapa langkah. Ia telah memindahkan seorang kakitangan penting yang memproses permohonan dan derma, daripada lokasi dekat pintu masuk pejabat ke lokasi dalaman pejabat. Lajuga melindungi komputer dengan kata laluan untuk mencegah akses tanpa izin. Poster dan papan tanda juga disediakan untuk mengingatkan kakitangannya mengenai amalan-amalan terbaik dalam perlindungan data.

Sebagai langkah tambahan, para anggota lembaga pengurusan LBKM serta panel bebas yang menyemak dan menilai dokumen-dokumen permohonan dermasiswa dan biasiswa hanya boleh berbuat demikian di pejabat LBKM. Sebelum ini, mereka menerima dokumen-dokumen ini menerusi pos, dan ini bermakna risiko kehilangan dokumen menerusi sistem pos sentiasa wujud.

🔒 CABARAN

Selama beberapa dekad, LBKM tiada dasar rasmi mengenai cara mengurus data peribadi. Dengan pengubalan PDPA, ia telah menaik taraf langkah-langkah perlindungan datanya dengan membangunkan dasar rasmi perlindungan data.

📌 LANGKAH YANG DIAMBIL

- Melantik pegawai perlindungan data
- Mendapatkan khidmat firma perunding untuk menjalankan audit persediaan dan keselamatan PDPA
- Memberi pilihan pada borang derma untuk penderma memberi kebenaran (atau menyatakan mereka tidak mahu lagi) menerima surat rayuan pungutan dana
- Keselamatan fizikal dan elektronik yang diperbaiki bagi permohonan dermasiswa / biasiswa dan borang derma

👍 MANFAAT

- Menyemai keyakinan di kalangan para penderma dan benefisiari bahawa data peribadi mereka dilindungi
- Benefisiari kemungkinan besar akan menyumbang kepada LBKM apabila mengetahui data peribadi mereka dilindungi

Selain itu, Encik Suhaimi berkata LBKM telah juga melaksanakan proses untuk mengawasi semua maklum balas mengenai amalan pengurusan data mereka dan tersatukan pengurusan data mereka, agar pertubuhan tersebut boleh terus menyemak dan memperhalusi prosesnya.

"Perlindungan data sentiasa merupakan usaha berterusan - kami akan sentiasa mengubahsuai langkah-langkah kami," jelas beliau. "Lebih penting lagi, dengan mematuhi PDPA, para penderma dan benefisiari kami kini lebih yakin bahawa data peribadi mereka dilindungi."

"Dengan keyakinan ini, kami berharap para penderma akan terus menderma kepada LBKM, dan para penerima dermasiswa dan biasiswa kami yang telah meraih manfaat akan juga menyumbang semula kepada usaha pengumpulan dana LBKM buat masa hadapan."

**Perlukan nasihat, bantuan guaman atau sumber untuk mematuhi PDPA?
Dapatkan maklumat lanjut di www.pdpc.gov.sg/organisations/help-for-organisations**